



مَجْلِسُ أَئِمَّةِ الْمُرْدَنِ عَارِفٌ بِالْمَلَوِّعِ كَانِي
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

KENYATAAN MEDIA

KEBENARAN AKTIVITI IBADAT DI MASJID DAN SURAU DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) COVID-19 DI NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN

Menjunjung titah perintah dan perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin Ibni Al-Marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan dan Yang Dipertuan Bagi Negeri Terengganu Darul Iman serta segala jajahan takluknya selaku Ketua Agama Islam Negeri Terengganu.

Selaras arahan Kerajaan Persekutuan berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat bermula 9 November 2020 sehingga 6 Disember 2020 yang dikuatkuasakan di beberapa buah negeri termasuk Negeri Terengganu Darul Iman sebagaimana pengumuman oleh YB Menteri Pertahanan pada 7 November 2020. Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu dengan ini mengambil keputusan berhubung kebenaran aktiviti keagamaan di masjid dan surau dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) Covid-19 seperti berikut:-

- a) Semua aktiviti keagamaan dan kemasyarakatan di masjid dan surau adalah **TIDAK DIBENARKAN** kecuali solat fardhu dan solat jumaat sahaja dengan kehadiran jemaah mengikut kapasiti saiz masjid dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang sedia ada.

- b) Bagi masjid dan surau yang berada di Zon Merah, sembahyang fardu lima (5) waktu berjemaah di masjid dibenarkan tiga (3) orang sahaja terdiri daripada ahli jawatankuasa masjid dan pegawai masjid secara bergilir-gilir, manakala solat jumaat **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali.
- c) Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari masa ke semasa tertakluk kepada arahan pihak berkuasa yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu.
- d) Syarat-syarat yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu Kali Ke 4/2020 pada 12 Mei 2020 hendaklah dirujuk dan dipatuhi kecuali:
 - i. Bil. 1. Hanya satu (1) masjid untuk satu (1) daerah sahaja dibenarkan.
 - ii. Bil. 5. Individu yang berumur enam puluh (60) tahun dan ke atas tidak dibenarkan hadir.
- e) Perlaksanaan aktiviti keagamaan di atas hendaklah mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) Kesihatan dan Keselamatan yang telah ditetapkan serta syarat-syarat yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa.
- f) Jawatankuasa masjid dan surau hendaklah sentiasa memastikan segala Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan diikuti dengan sebaik mungkin.

Kebawah Duli Yang Maha Mulai Sultan menyèru supaya semua rakyat jelata jangan sesekali mengambil ringan akan arahan pihak berkuasa dalam menghadapi wabak Covid-19 dan semua rakyat jelata mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan.

Baginda berdoa semoga kehidupan seharian kembali pulih seperti sediakala dan semoga rakyat jelata sentiasa berada dalam kerahmatan Allah Subhanahu Wataala.

Menjunjung titah,



DATO' HAJI OSMAN BIN MUDA

YANG DIPERTUA

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT MELAYU TERENGGANU

8 NOVEMBER 2020M BERSAMAAN 22 RABI'ULAWAL 1442H